

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATUK LIANG TECK MENG  
KAWASAN : SIMPANG RENGGAM  
TARIKH : 25.11.2014 (SELASA)  
NO. SOALAN : 5

#### SOALAN:

YB. DATUK LIANG TECK MENG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah kesan atau impak Laporan Daya Saing Global 2014–2015 kepada Malaysia, memandangkan laporan tersebut menjelaskan bahawa kedudukan Malaysia yang telah melompat 4 anak tangga dari tangga 24 kepada tangga 20 dan telah mendahului negara-negara maju seperti Austria, Australia, Perancis dan Korea Selatan.

#### JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Laporan Daya Saing Global (*Global Competitiveness Report - GCR*) 2014-2015, yang diterbitkan oleh *World Economic Forum (WEF)* menilai daya saing sesebuah negara melalui 12 teras daya saing yang melibatkan 114 kriteria. Laporan GCR meneliti faktor-faktor yang membolehkan ekonomi sesebuah negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang mapan dan kemakmuran dalam jangka panjang. Teras-

teras daya saing yang dinilai dalam laporan ini ialah Institusi, Infrastruktur, Persekutaran Ekonomi Makro, Kesihatan dan Pendidikan Rendah, Pendidikan Tinggi dan Latihan, Kecekapan Pasaran Barang, Kecekapan Pasaran Buruh, Pembangunan Pasaran Kewangan, Kesediaan Teknologi, Saiz Pasaran, Kecanggihan Perniagaan dan Inovasi.

2. Laporan Daya Saing Global yang diterbitkan oleh WEF ini ialah sebuah laporan yang diiktiraf di kalangan komuniti perniagaan di mana WEF sendiri merupakan sebuah forum antarabangsa yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin dunia termasuk YAB Perdana Menteri Malaysia. Pelabur-pelabur juga menggunakan Laporan ini sebagai salah satu sumber rujukan apabila membuat pertimbangan untuk melabur modal mereka di sesebuah negara, termasuk Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kedudukan daya saing Malaysia di tempat ke-20 dan mengatasi beberapa negara maju akan membawa impak yang positif kepada negara. Dengan pencapaian ini, keyakinan pelabur terhadap persekitaran ekonomi Malaysia akan meningkat. Pelabur-pelabur asing dan tempatan juga akan lebih berkeyakinan untuk terus melabur dan memberi keutamaan kepada Malaysia sebagai lokasi menarik untuk memulakan perniagaan. Pada tahun 2013, pelaburan langsung asing meningkat kepada RM59.5 bilion berbanding RM34.9 bilion pada tahun sebelumnya. Dari jumlah ini, sebanyak RM30.5 bilion pelaburan langsung asing pada tahun 2013 adalah di dalam sektor pembuatan, RM18.9 bilion bagi sektor perkhidmatan dan selebihnya berjumlah RM9.9 bilion bagi sektor-sektor utama.

4. Mengikut statistik terkini, pada tempoh Januari – Jun 2014, pelaburan tempatan dan asing yang telah diluluskan berjumlah RM73.7 bilion dan RM40.8 bilion masing-masing.
5. Peningkatan pelaburan kesan daripada keyakinan terhadap daya saing Malaysia, akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negara ini. Sebagai contoh, pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013 di dalam sektor pembuatan sahaja telah mewujudkan sejumlah 92,988 peluang pekerjaan. Manakala, bagi tempoh Januari – Mei 2014, sebanyak 39,567 jumlah pekerjaan akan diwujudkan di dalam sektor pembuatan.
6. Pengembangan perniagaan sedia ada dan pembukaan peluang-peluang perniagaan baru, akan dapat mendokong pertumbuhan ekonomi negara. Ini akan membantu negara mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.5 peratus – 6 peratus bagi tahun 2014. Pihak Bank Dunia baru-baru ini juga telah mengumumkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka akan mencapai 5.4 peratus dalam tahun 2014. Pertumbuhan positif ini akan membolehkan Kerajaan menyediakan lebih banyak kemudahan infrastruktur awam bagi mewujudkan kualiti hidup rakyat yang lebih baik.

Tuan Yang Dipertua,

7. Laporan Daya Saing Global 2014-2015 dan kedudukan Malaysia pada anak tangga ke-20 juga merupakan bukti nyata bahawa dasar-dasar ekonomi Kerajaan sememangnya telah membawa pembangunan pesat kepada negara dan juga kesejahteraan rakyat. Ianya juga mengukuhkan lagi keyakinan rakyat bahawa Program Transformasi

Ekonomi atau dengan izin, *Economic Transformation Programme (ETP)* yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah membawa hasil positif dalam membentuk hala tuju negara ke arah Wawasan 2020.